



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 09/2024



PERKAHWINAN DAN ZURIAT

6 SEPTEMBER 2024 | 2 RABIULAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ
فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Ta'ala dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredaan Allah Ta'ala di dunia dan di akhirat

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Institusi kekeluargaan yang dibina melalui tali pernikahan merupakan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang amat dituntut. Ia adalah fitrah kejadian lelaki dan perempuan yang saling memerlukan untuk hidup berkasih sayang selaras dengan kehendak syarak. Pensyariatan pernikahan ini selaras dengan salah satu kecenderungan fitrah semulajadi manusia iaitu memiliki keturunan.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah an-Nisa' Ayat 3:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
فَأَنْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبْعًا فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً

Yang bermaksud: “Maka nikahilah perempuan yang kamu senangi; dua, tiga atau empat. Tetapi, jika kamu bimbang tidak akan mampu berlaku adil (antara isteri kamu itu), maka (nikahilah) seorang saja.”

Dalam ayat tersebut Allah Ta'ala memerintahkan supaya berkahwin untuk memenuhi tuntutan fitrah manusia dan menyambung keturunan umat manusia secara yang dikehendaki Allah Ta'ala.

Namun sejak kebelakangan ini, segelintir pasangan suami isteri ada yang cenderung untuk tidak memiliki anak (childfree) atau tidak mahu mempunyai anak yang ramai kerana menganggap ini sebagai bebanan kehidupan dan kerjaya mereka. Gaya kehidupan ini ditakuti menjadi semakin meluas dalam kalangan masyarakat khususnya bagi pasangan muda yang baru berkahwin. Perkara ini boleh menimbulkan kesan dalam jangka masa panjang yang akan mengubah struktur sosial setempat dan global.

Di Malaysia, kadar kesuburan dan jumlah kelahiran sejak lima dekad lepas semakin menurun dan dijangka kadar pertumbuhan tahunan penduduk kekal menurun hingga mencecah paras 0.7 peratus pada 2050. Jika kecenderungan untuk mengurangkan jumlah anak atau pengaruh tidak memiliki anak (childfree) berterusan dan tiada langkah pencegahan, maka ia akan menjejaskan bilangan umat Islam dan pembangunan negara.

Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah Azza Wajalla,

Secara asasnya, perkahwinan dan memiliki anak adalah suatu fitrah serta memiliki tujuan syarak yang tersendiri. Janganlah kita takut untuk memiliki anak yang ramai atas alasan kemiskinan. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah an-Nur ayat 32:

إِن يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

Yang bermaksud: “ *Jika mereka miskin, Allah akan memberi kekayaan kepada mereka dengan kurniaan-Nya. Allah Maha Luas (pemberian-Nya), lagi Maha Mengetahui.* ”

Allah Subhanahu wa Taala juga berfirman dalam surah al-Isra' ayat 31:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةً إِمْلَاقٍ ۖ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِن كُنْتُمْ كَانُوا خِطَاءً كَبِيرًا ﴿٣١﴾

Yang bermaksud: “ *Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takut kemiskinan. Kamilah yang akan memberi rezeki kepada mereka (anak-anak) dan juga kepadamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah suatu dosa yang besar.* ”

Dalam hadis yang diriwayatkan Imam Abu Daud, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

تَزَوَّجُوا الْوُدُودَ الْوُلُودَ فَإِنِّي مُكَائِرٌ بِكُمْ الْأُمَمَ

Yang bermaksud: “ *Nikahilah wanita penyayang yang subur (untuk melahirkan ramai anak) kerana aku bangga dengan ramainya umatku (pada hari kiamat) kelak.* ”

Menurut Imam Ibnu ‘Ashur dalam kitabnya *Maqasid al-Syariah al-Islamiah*, salah satu antara tujuan (maqasid) perkahwinan adalah untuk menjaga keturunan dan ramai zuriat bahkan ia termasuk dalam tujuan asal dan asas perkahwinan.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala,

Demi menjaga kemaslahatan dan keturunan, Islam melarang pergaulan bebas tanpa kawalan yang pada akhirnya membawa kepada zina dan hubungan terlarang.

Allah Ta'ala telah berfirman dalam surah al-Isra' ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Yang bermaksud: “Dan janganlah kamu mendekati zina. Sesungguhnya zina itu suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk (yang membawa kerosakan)”.

Ayat ini menjelaskan bahawa menjadi tanggungjawab setiap umat Islam menjauhi perkara-perkara yang boleh membawa kepada berlakunya perzinaan seperti pergaulan bebas, duduk berdua-duaan, berkhalwat dan lain-lain lagi. Ketahuilah perbuatan perzinaan membawa kepada kerosakan keturunan dan menjauhkan keberkatan serta mengundang kemurkaan Allah Ta'ala.

Menurut statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, daripada tahun 2012 hingga 2016, jumlah remaja yang telah melahirkan anak luar nikah seramai 20,236 yang melibatkan remaja di bawah umur 18 tahun. Manakala, dilaporkan sejak tahun 2010 hingga Ogos 2018, sebanyak 911 kes pembuangan bayi. Daripada 911 kes, 585 kes ditemui tidak bernyawa dan berbaki 326 yang ditemui hidup. Data dan statistik ini menunjukkan fenomena yang sangat membimbangkan.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Ibu bapa berperanan dalam pendidikan anak-anak. Mereka hendaklah mengenali dan rapat dengan anak-anak mereka sebagaimana panduan yang diriwayatkan daripada sebahagian Salaf yang bermaksud:



“bermain-mainlah dengan anak-anakmu selama tujuh tahun, disiplinkan mereka selama tujuh tahun (sehingga berumur 14 tahun) dan bersahabatlah dengan mereka selama tujuh tahun (sehingga berumur 21 tahun).”

Daripada kata-kata Salaf tersebut kita dapat memahami bahawa proses pendidikan anak mempunyai tiga fasa yang perlu diberi perhatian oleh ibu bapa. Kata-kata ini menggambarkan betapa eratnya hubungan ibu bapa dengan anak-anaknya bagi memastikan mereka tidak terlibat dengan gejala pergaulan bebas. Ibu bapa hendaklah bersahabat dengan anak-anak remaja supaya mereka sentiasa berada dalam bimbingan kita.

Pada masa yang sama, urusan perkahwinan hendaklah dipermudahkan. Ibu bapa hendaklah tidak meletakkan belanja perkahwinan yang mahal dan di luar kemampuan. Lambat kahwin juga menjadi penyumbang kepada berlakunya pergaulan bebas dan ditakuti membawa kepada perzinaan serta berlaku kehamilan luar nikah.

Janganlah terikut-ikut dengan rentak orang lain sehingga menyusahkan perkahwinan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud yang bermaksud:

“Sebaik-baik pernikahan adalah yang paling mudah”.

Baginda juga bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radiallahu Anhu yang bermaksud: *“lakukanlah majlis perkahwinan sekalipun dengan hanya seekor kambing.”*

Hadis ini menerangkan bahawa Islam menuntut kita supaya mempermudah majlis perkahwinan mengikut kemampuan masing-masing.

Mengakhiri khutbah dapatlah disimpulkan:

1. Perkahwinan dilihat sebagai wasilah mencapai kesempurnaan agama dan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berbangga dengan umat Islam yang ramai.
2. Jauhilah pergaulan bebas dan jagalah batas-batas pergaulan yang telah ditetapkan oleh syariat Islam.
3. Ibu bapa tidak boleh berlepas tangan untuk memastikan anak-anak tidak terlibat dengan pergaulan bebas.
4. Masyarakat hendaklah mempermudah urusan perkahwinan supaya hasrat para pemuda dan pemudi yang ingin berkahwin dapat disegerakan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ
وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.